

Wahana AKADEMIK

ISSN :1675-2414



JURNAL ■ UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA ■ CAWANGAN KEDAH ■ KAMPUS SUNGAI PETANI

Vol. 2 No. 1 ■ Jun 2003



- Addressing Metaphors and Symbols In An ESL Reading Comprehension Class.
- Corporate Financial Reporting : The Challenges In The New Millennium.
- Focussing On Teacher Talk In Motivating Students In The English Language Classroom At Universiti Teknologi MARA (UiTM).
- Genocide.
- How Can Three Dimensional Computing Inform The Industrial Design Process.
- Improving Mathematics Teaching And Learning.
- Kesedaran Pendidik Terhadap Elemen ISO 9000 — Kajian Awal Di Hulu Perak.
- Pembangunan Manusia Dari Perspektif Ekonomi Islam.
- Sistem Ekonomi Islam : Definisi, Falsafah Dan Masalah Asas Ekonomi.
- Ta'liq Agreement : A Proposal For Reformation.
- Extending Vocabulary The Fun Way.

Hadiah

UiTM
(KEDAH)

ISSN 1675 — 2414





Wahana

AKADEMIK



JURNAL ■ UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA ■ CAWANGAN KEDAH ■ KAMPUS SUNGAI PETANI

Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah
Kampus Sungai Petani
Peti Surat 187
08400 Merbok
KEDAH DARUL AMAN

WAHANA AKADEMIK

Jurnal
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah
Kampus Sungai Petani
Vol. 2, No. 1, Jun 2003

JURNAL INI DITERBITKAN SEKALI DALAM SETAHUN

Objektif utama jurnal ini diterbitkan ialah untuk menggalakkan kakitangan akademik menerbitkan penulisan ilmiah bagi menambah bahan bacaan yang meliputi ilmu dari pelbagai bidang. Selain itu, usaha ini dibuat agar budaya penulisan dapat dipupuk di kalangan kakitangan akademik sesuai dengan tarafnya sebagai sebuah universiti.

Diterbitkan oleh:

Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah
Kampus Sungai Petani
Peti Surat 187
08400 Merbok
KEDAH DARUL AMAN

- © Hakcipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian, artikel, ilustrasi, isi kandungan jurnal ini dalam apa-apa juga bentuk dan dengan apa cara pun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain tanpa mendapat kebenaran bertulis daripada penerbit.

**JAWATANKUASA JURNAL AKADEMIK
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN KEDAH
KAMPUS SUNGAI PETANI**

Penaung

*Pengarah Kampus
UiTM Cawangan Kedah
Prof. Madya Dr. Zaliha Hj. Hussin*

Penasihat

*Timbalan Pengarah Kampus
Bahagian Hal Ehwal Akademik
Puan Zauyah Abd. Razak*

Ketua Penyunting

Puan Wan Faizah Wan Abdullah

Penyunting

*Puan Normala Ismail
Puan Ho Chui Chui
Puan Siti Salmah Abu Bakar
Puan Noor Saliza Zainal
Puan Maznah bt. Wan Omar
Encik Francis Xavier a/l A.S. Rajoo
Puan Angayar Kanni a/p Ramaiah
Encil Abdul Latif Abdul Rahman*

Pegawai Penerbitan

Puan Azizah Khasim

Editor Kerja

Puan Azizah Ismail

KANDUNGAN

Dari Ketua Penyunting	i
Addressing Metaphors and Symbols In An ESL Reading Comprehension Class	1
<i>Mak Kem Seng</i>	
Corporate Financial Reporting: The Challenges In The New Millennium	11
<i>Norasmila Awang</i> <i>Roshima Said</i>	
Focussing On Teacher Talk In Motivating Students In The English Language Classroom At Universiti Teknologi MARA (UiTM)	19
<i>Alauyah Johari</i>	
Genocide	31
<i>Mohamad Sabri Yusoh</i>	
How Can Three Dimensional Computing Inform The Industrial Design Process	41
<i>Shahriman Zainal Abidin</i>	
Improving Mathematics Teaching And Learning	48
<i>Wan Zulkipli Wan Salleh</i> <i>Wan Siti Esah Che Hussain</i>	
Kesedaran Pendidik Terhadap Elemen ISO 9000 – Kajian Awal Di Hulu Perak	56
<i>Sofiah Molek Lope Aman Shah</i> <i>Mohd Razif Ibrahim</i>	

Pembangunan Manusia Dari Perspektif Ekonomi Islam	67
<i>Noor Saliza Zainal</i>	
Sistem Ekonomi Islam: Definisi, Falsafah Dan Masalah Asas Ekonomi	74
<i>Normala Ismail</i>	
Ta'liq Agreement: A Proposal For Reformation	85
<i>Nor Fadzlina Nawi</i>	
Extending Vocabulary The Fun Way	99
<i>Ho Chui Chui</i>	

DARIPADA KETUA PENYUNTING

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Y.A.B. Dato' Seri Setia Di Raja Dato' Seri Syed Razak Syed Zain, Menteri Besar Kedah telah melakukan lawatan rasmi ke UiTM Cawangan Kedah pada 3 Julai 2003 yang lalu. Sempena lawatan beliau, Pengarah Kampus telah memberi taklimat mengenai kemajuan dan sumbangan UiTM Cawangan Kedah melalui penyelidikan dan perundingan terhadap negara khususnya negeri Kedah. Kata alu-aluan Y. Bhg. Dato' Naib Canselor UiTM dalam buku "UiTM Kedah Sepintas Lalu" sempena lawatan Menteri Besar Kedah telah menekankan peranan UiTM terhadap negara terutamanya dalam bidang penyelidikan dan perundingan untuk membantu kerajaan negeri bagi memajukan negeri masing-masing. Oleh itu, satu saluran perlu diwujudkan bagi mendokumentasikan hasil penyelidikan dan perundingan supaya ianya boleh dijadikan sumber rujukan oleh semua pihak yang berminat.

Justeru itu, UiTM Kedah telah menerbitkan jurnal akademik bertajuk 'Wahana Akademik' untuk menampung keperluan penerbitan tersebut. Untuk itu, Jawatankuasa Jurnal Akademik, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah amat mengalu-alukan hasil penulisan akademik samaada hasil penyelidikan dan perundingan ataupun analisa '*literature*' untuk dimuatkan dalam penerbitannya.

Wan Faizah Wan Abdullah

PEMBANGUNAN MANUSIA DARI PERSPEKTIF EKONOMI ISLAM

NOOR SALIZA ZAINAL

*Pensyarah Pendidikan Islam
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah
Kampus Sungai Petani*

ABSTRAK

Pembangunan manusia merupakan fokus utama dalam pembangunan secara Islam. Manusia yang dididik dengan sistem Islam akan berperibadi mulia dan berupaya menyeimbangkan antara keperluan kerohanian dan kebendaan, dunia dan akhirat. Sebagai khalifah, manusia yang Islamik akan mengarah pembangunan negara dan ummah kepada pencapaian keredhaan Allah SWT.

Kata kunci : *Islam, Manusia, Pembangunan, Peribadi, Kebendaan*

PENGENALAN

Pembangunan manusia merupakan aspek terpenting dalam konteks pembangunan berteraskan Islam. Ini adalah kerana manusia merupakan faktor dan fokus utama dalam perancangan dan pembangunan. Oleh itu Islam meletakkan manusia sebagai isu utama dalam perbincangan masalah pembangunan.

KEPENTINGAN PEMBANGUNAN MANUSIA

Pembangunan manusia merupakan satu aspek penting dalam konteks pembangunan Islam kerana:

- (i) Tujuan dan fokus pembangunan adalah manusia, kerana 'faktor' manusialah yang akan menentukan maju mundurnya dan bangun runtuhnya sesuatu tamadun (Surtahman Kastin Hasan 1990).
- (ii) Setiap pembangunan tidak mungkin terlaksana kecuali ada pelakunya iaitu manusia (Dewan Ekonomi September 2000). Pembangunan konvensional menganggap manusia sebagai manusia fizikal atau pseudo-manusia di mana manusia yang dilahirkan hanya untuk menjalankan fungsi stereotaip dan sekularistik: mengguna, membesar, belajar, bekerja, berkeluarga, reproduktif dan mati. Sebaliknya Islam pula menganggap manusia sebagai 'manusia yang cukup satu manusia' iaitu manusia yang lengkap merangkumi aspek fizikal, keupayaan dan spiritual, serta dilahirkan untuk menjalankan fungsi khusus yang telah ditetapkan oleh Allah S.W.T. Fungsi khusus ini telah ditetapkan ketika di alam roh lagi. Fungsi manusia yang pertama ialah sebagai hamba Allah S.W.T, sebagaimana firman Allah yang bermaksud:

"Dan (ingatlah), ketika Tuhanmu mengeluarkan keturunan anak-anak Adam daripada sulbi mereka dan Allah S.W.T mengambil kesaksian terhadap jiwa mereka (seraya berfirman): "Bukankah Aku ini Tuhanmu?" Mereka menjawab: "Betul (Engkau

Tuhan kami), kami menjadi saksi". (Kami lakukan demikian itu) agar di hari kiamat kamu tidak mengatakan:

"Sesungguhnya kami (bani Adam) ialah orang-orang yang lengah terhadap ini (keEsaan Tuhan)".

(al-A'raff 7 : 172)

Ayat di atas membuktikan bahawa seluruh manusia telah mengakui keEsaan Allah dan dengan itu mereka adalah hamba kepada Allah.

Fungsi kedua manusia ialah sebagai khalifah Allah S.W.T di atas muka bumi. Status sebagai khalifah tergambar dalam firman Allah S.W.T yang bermaksud:

"Ingatlah ketika Tuhanmu berfirman kepada para malaikat: "Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di muka bumi". Mereka berkata: "Mengapa Engkau hendak menjadikan (khalifah) di bumi ini orang yang akan membuat kerosakan padanya dan akan menumpahkan darah, padahal kami sentiasa bertasbih dengan memuji Engkau dan mensucikan Engkau?" Tuhan berfirman: "Sesungguhnya Aku mengetahui apa yang tidak kamu ketahui".

(al-Baqarah 2 : 30)

Oleh itu manusia sebagai pelaku pembangunan mesti mempertahankan status mereka sebagai hamba dan khalifah Allah S.W.T. Dalam hubungan menegaknya dengan Allah (*hablunminallah*), manusia adalah hamba. Manakala dalam hubungan mendatar manusia sesama manusia dan sumber alam (*hablunminannas*) ialah khalifah Allah. Dengan demikian manusia sebagai pelaku pembangunan mesti mengaplikasikan kedudukan mereka sebagai hamba dan khalifah Allah S.W.T. dalam seluruh aktiviti pembangunan. Natiujahnya manusia akan dapat mencapai pembangunan yang diredhai Allah S.W.T.

PEMBANGUNAN PERIBADI

Pembangunan manusia adalah rumit dan tidak semudah membangunkan material seperti membangunkan bangunan. Ini adalah kerana manusia itu hidup, berakal dan berperasaan. Sejarah Islam telah membuktikan bahawa hanya manusia yang beriman mampu melaksanakan pembangunan yang dikehendaki (Ashaari Mohammad 1981). Contoh terbaik pembangunan manusia ialah semasa pemerintahan Khalifah Umar Abdul Aziz (dari bani Umayyah). Di bawah pemerintahan Khalifah yang zuhud dan beriman, negara Islam telah mencapai pembangunan, kemakmuran dan kedamaian. Keruntuhan pembangunan negara akibat dari keruntuhan akhlak manusia pula ditunjukkan oleh sejarah negara Turki. Negara yang pernah menjadi penaung seluruh tamadun kemanusiaan telah hancur dan tidak dapat dipulihkan akibat dari racun sekularisme dan nasionalisme sempit. Kenyataan ini menunjukkan bahawa pembangunan manusia mesti dimulai dengan pembangunan peribadi (rohani, aqal dan jasmani) dan daripada diri sendiri, sebelum kepada keluarga, masyarakat dan negara. Setelah pembentukan manusia dari segi rohani agak mantap, barulah pembangunan aspek lain boleh berjaya (Syed Othman Alhabshi 1989).

Sebagai pelaku pembangunan, setiap individu mesti menghayati konsep manusia sebagai hamba dan khalifah Allah di muka bumi, mengisi jiwanya dengan sifat-

sifat *mahmudah* (terpuji) dan membuang sifat-sifat *mazmumah* (keji), menyedari tentang tipu helah syaitan yang menjatuhkan tarafnya ke taraf *haiwaniyah*, menyedari bahawa hidup ini sebagai ujian, menghayati perasaan takut dan mengharap kepada Allah (Yusoff Mohamad 1989). Hasilnya akan lahir manusia yang berprinsip, beraqidah, terbangun peribadi, mengetengahkan tamadun ilmu serta berupaya membawa perubahan terhadap pembangunan agama, bangsa dan negara. Keunggulan sifat-sifat ini akan diterjemahkan dalam jihad. Di mana seluruh keimanan, ilmu dan kekayaan manusia bukan hanya untuk dirinya sahaja, tetapi juga boleh dimanfaatkan oleh seluruh anggota masyarakat. Firman Allah yang bermaksud:

“Wahai orang-orang yang beriman! Apakah kamu mahu Aku tunjukkan kepadamu satu perniagaan yang boleh melepaskan kamu dari azab yang maha pedih? Iaitulah kamu beriman dengan Allah dan RasulNya, dan kamu berjihad pada jalan Allah dengan harta dan jiwamu. Yang demikian itu adalah lebih baik bagimu sekiranya kamu mengetahui (kelebihannya).

Dia (Allah) mengampunkan segala dosamu, dan memasukkan kamu ke dalam syurga yang mengalir di bawahnya anak-anak sungai dan tempat-tempat tinggal yang baik di dalam syurga ‘Adnin. Itulah keberuntungan yang besar”.

(al-Saaf 61 : 10-12)

Pemerintah bertanggungjawab terhadap pembangunan peribadi seluruh rakyat. Oleh itu pemerintah mesti berusaha mewujudkan suasana sosial yang menggalakkan pembangunan keperibadian Islam. Secara khususnya kerajaan mesti mewajibkan penggunaan nilai dan norma Islam dalam semua aspek kehidupan, menyediakan sistem pendidikan berteraskan prinsip Islam serta mengenakan hukuman kepada sesiapa yang melanggar undang-undang Islam (Abul Khair Mohd. Jalaluddin 1991).

PEMBANGUNAN KEBENDAAN

Pembangunan kebendaan dan peribadi adalah tidak terpisah dan sama-sama penting dalam kebajikan manusia. Bahkan Islam sendiri menekankan kepentingan kepada kedua-dua aspek dalam pembangunan manusia. Firman Allah S.W.T. yang bermaksud:

“Dan carilah pada apa yang telah dianugerahkan Allah kepadamu (kebahagiaan) di negeri Akhirat, dan janganlah engkau melupakan bahagianmu dari (keperluan) dunia”.

(al-Qasas : 77)

“Kemudian setelah selesai sembahyang maka bertaburanlah kamu di muka bumi (untuk menjalankan urusan masing-masing) dan carilah apa yang kamu hajati daripada limpah kurnia Allah”.

(al-Juma’ah :10)

Ayat-ayat al-Quran di atas jelas menunjukkan bahawa Islam menggalakkan umatnya mencapai tingkat kemajuan kebendaan, di samping mencapai pembangunan peribadi. Malahan Allah S.W.T. telah menyediakan segala keperluan dan sumber

untuk menjamin kebajikan kebendaan kepada manusia. Sebagaimana firman Allah yang bermaksud:

“Dan dialah (Allah) yang menjadikan untuk kamu segala yang ada di bumi”.

(al-Baqarah : 29)

Islam telah meletakkan faktor kebendaan dalam persoalan ekonomi di tempat yang penting dan perkara ini dapat dibuktikan oleh beberapa ayat al-Quran. Firman Allah,

“Harta benda dan anak pinak itu ialah perhiasan hidup di dunia...”

(al-Kahfi 18 : 46)

“Dan janganlah kamu berikan (serahkan) kepada orang yang belum sempurna akalnya akan harta (mereka yang ada dalam jagaan) kamu, (harta) yang Allah telah menjadikannya untuk kamu semua sebagai asas pembangunan kehidupan kamu...”

(al-Nisa' 4 :5)

Menurut pandangan Islam menjadi tanggungjawab setiap individu untuk berusaha membangunkan kehidupannya di dunia. Sabda Rasulullah S.A.W.,

“Berusaha mencari rezeki yang halal itu adalah suatu kewajipan”.

Pergantungan kepada orang lain untuk menyara hidup seperti meminta-minta adalah ditegah oleh Islam. Sabda Rasulullah S.A.W yang bermaksud,

“Jangan meminta-minta dari orang lain”.

Oleh itu manusia mesti sentiasa berusaha untuk memenuhi keperluan-keperluan asas kehidupannya untuk menikmati kehidupan yang sempurna. Sistem jaminan sosial Islam menjamin setiap individu dalam negara Islam diberikan suatu taraf hidup yang tertentu atau had *al-kifayah*. Ibn Hazm telah menggariskan paras had *al-kifayah* ini terdiri daripada perkara-perkara berikut :

- (i) Makanan dan minuman yang mencukupi untuk menjamin kehidupan yang sejahtera
- (ii) Pakaian yang sesuai dengan iklim semasa dan
- (iii) Kediaman yang memenuhi syarat-syarat yang sempurna.

Walau bagaimana pun, sekiranya terdapat individu dalam masyarakat yang tidak berkeupayaan seperti orang cacat, orang tua, kanak-kanak dan seumpamanya, atau pun golongan yang kurang pendapatan, maka keperluan asas mereka akan dipenuhi melalui kaedah zakat, Sedekah dan lain-lain yang terdapat dalam skema jaminan sosial Islam.

Selain daripada itu, kerajaan dalam negara Islam berperanan penting dalam pembangunan fizikal dan material negara. Kerajaan bertanggungjawab untuk menyediakan sumber-sumber asas bagi pembangunan kebendaan tersebut. Mengikut M. Umar Chapra (1985), terdapat enam keperluan asas rakyat yang perlu disediakan oleh kerajaan bagi meningkatkan kebajikan kebendaan iaitu :

- (i) Pendidikan dan latihan
- (ii) Pekerjaan seperti kerja-kerja yang sesuai, profession, perniagaan dan lain-lain
- (iii) Makanan dan pakaian yang mencukupi
- (iv) Tempat tinggal yang selesa
- (v) Persekitaran yang menyihatkan serta kemudahan kesihatan yang mencukupi
- (vi) Kemudahan pengangkutan yang mencukupi

Para ulamak Islam telah mengkategorikan keseluruhan keperluan asas yang dibincangkan di atas kepada *dharuriyyat* (barangan asasi), *hajiyyat* (barangan kemudahan) dan *tahsiniyyat* (barangan keselesaan) (Ziauddin Ahmad 1991). Barangan *dharuriyyat* perlu untuk memberi perlindungan kepada diri, agama, aqal, keturunan dan harta manusia. Manakala penyediaan barangan *hajiyyat* pula dapat membaiki kualiti hidup dan memudahkan kehidupan manusia keseluruhannya. Seterusnya peruntukan *tahsiniyyat* akan memberikan kehidupan yang lebih selesa dan anggun tanpa melanggar batas kesederhanaan. Justeru menjadi tanggungjawab bersama masyarakat dan negara untuk memastikan keperluan *dharuriyyat* dipenuhi setiap masa dan keperluan *hajiyyat* disediakan sekiranya sumber-sumber mencukupi.

PENUTUP

Pembangunan adalah isu dan permasalahan sejagat khususnya di kalangan masyarakat Islam. Pada prinsipnya Islam menganjurkan suatu bentuk pembangunan yang menyeluruh, dimana pembangunan manusia selari dengan pembangunan material. Namun begitu, model pembangunan tersebut belum kukuh dan mantap. Manakala pembangunan konvensional, walau pun berjaya membina pembangunan material, kesan negatifnya amat dahsyat terhadap kehidupan manusia itu sendiri. Oleh itu, satu model pembangunan yang menyeluruh perlu dirangka supaya dapat memberi kebaikan kepada seluruh kehidupan manusia, alam sekitar serta menjamin masa depan generasi akan datang.

RUJUKAN

Abu Bakar Abdul Majeed & Shaikh Mohd. Saifuddeen Shaikh Mohd. Salleh. 1998. *Islam And Development In Asia*. Kuala Lumpur: IKIM

- Abulhasan Muhammad Sadeq. 1990. *Economic Development In Islam*. Kuala Lumpur: Pelanduk Publications.
- Abul Khair Mohd. Jalaluddin. 1991. *The Role Government In An Islamic Economy*. Kuala Lumpur: A.S. Nordeen.
- Aidit Ghazali. 1990. *Development An Islamic Perspective*, Kuala Lumpur: Pelanduk Publications.
- CH. Muhammad Hussain. 1987. *Development Planning In An Islamic State*. Karachi: Royal Book Company
- Ashaari Mohammad. 1981. *Huraian Ke Arah Membangun Negara Dan Masyarakat Islam*. Kuala Lumpur: Penerangan Darul Arqam.
- Haron Din. 1999. *Manusia dan Islam*. Kuala Lumpur: HIZBI Marketing Sdn. Bhd.
- Khurshid Ahmad & Zafar Ishaq Ansari. 1979. *Islamic Perspective*. UK: The Islamic Foundation.
- Khurshid Ahmad. 1981. *Studies In Islamic Economics*. UK: The Islamic Foundation.
- M. Umar Chapra. 1997. *Islam Dan Pembangunan Ekonomi*. Terjemahan Adi Setia Mohd. Dom. The International Institute Of Islamic Thought.
- Muhammad Abdul Mun'im Al-Jammal. 1981. *Ensiklopedia Ekonomi Islam*. Jilid I. terjemahan Salahudin Abdullah. Kuala Lumpur: DBP
- Muhammad Syukri Salleh. 2000. Kemelut Pembangunan Bolehkah Diselesaikan Dengan Kaedah Sains Sosial Lazim?. *Dewan Ekonomi*. April: 61 - 62.
- _____. November 2000. Kerangka Pembangunan Berteraskan Islam. *Dewan Ekonomi*: 63 - 64
- _____. Oktober - Disember 2001. Konsep Dan Perkaedahan Pengurusan Pembangunan Berteraskan Islam, *Pemikir*: 1 - 47.
- _____. September 2000. Pelaku Pembangunan. *Dewan Ekonomi*: 60 - 61.
- _____. Ogos 2000. Prinsip Pembangunan Yang Berteraskan Islam. *Dewan Ekonomi*: 61 - 62.
- Sobri Solomon, 1989. *Ekonomi Islam Pengenalan Sistem Dan Kemungkinan*. Kuala Lumpur: al-Rahmaniah.

- Surtahman Kastin Hasan, 1990. *Ekonomi Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Syed Othman Alhabshi. 1989. *Islam, Ekonomi Dan Pengurusan*. Kuala Lumpur: Penerbitan HIZBI.
- Yusoff Mohamad, 1989. *Bina Insan Satu Analisis Kaedah*. Kuala Lumpur: NURIN ENTERPRISE.
- Ziauddin Ahmad. 1991. *Islam, Poverty And Income Distribution*. UK: The Islamic Foundation.